

## Bahagian A

[15 markah]

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini. Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.  
Hitamkan jawapan yang betul dalam borang jawapan yang disediakan.

1. Antara berikut, manakah yang berkaitan dengan ciri-cirisebuah negara yang berdaulat?

- I. Mempunyai institusi pentadbiran yang berkesan
- II Mempunyai penduduk yang berbilang bangsa
- III Mempunyai pemerintahan secara demokrasi
- IV Mempunyai sempadan yang jelas

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

Anak : Dilahirkan di Kampung BaruTriang.

Ibu : Warganegara Thailand

Ayah : Seorang pemastautin tetap tetapi belum memperoleh kewarganegaraan.

2. Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai taraf kewarganegaraan anak di atas ?

- A Bukan warganegara
- B Warganegara secara masukan
- C Warganegara secara pendaftaran
- D Warganegara secara kuatkuasa undang-undang

Encik X mengamuk dengan menggunakan parang panjang di stesen bas Kuantan.

3. Encik X boleh ditahan melalui

- A saman
- B waran tangkap
- C writ mahkamah
- D tangkap tanpa waran

4. Yang manakah antara kesalahan berikut dikategorikan sebagai kes jenayah?

- I Meminta ganjaran dan saguhati daripada pelanggan
- II menuntut harta warisan daripada kedua-dua ibu bapa
- III tidak menyelesaikan bayaran balik pinjaman perumahan
- IV mencuri maklumat akaun dan peribadi pelanggan melalui internet
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Seorang anggota tentera berpangkat sarjan yang ponteng tugas telah merompak seorang pendatang asing tanpa izin menggunakan selaras senapang yang dicuri daripada kem tentera tempat beliau bertugas.

5. Di manakah anggota tentera tersebut akan diadili?

- A Mahkamah Tinggi
- B Mahkamah Majistret
- C Mahkamah Tinggi Tentera
- D Mahkamah Rendah Tentera

6. Yang manakah merupakan ahli ex-officio Dewan Undangan Negeri Melaka?

- A Pegawai Kewangan Negeri
- B Setiausaha Kerajaan Negeri
- C Penasihat Undang-Undang Negeri
- D Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri

7. Antara penyataatan berikut, yang manakah benar tentang pembahagian kuasa perundangan yang disenaraikan dalam Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan?

	<i>Senarai Persekutuan</i>	<i>Senarai Negeri</i>	<i>Senarai Bersama</i>
<b>A</b>	Hari Kelepasan Am	Perkhidmatan Bomba	Perikanan Laut Dalam
<b>B</b>	<u>Kajian, Siasatan dan Penyelidikan</u>	<u>Muzium</u>	<u>Kebudayaan dan Sukan</u>
<b>C</b>	Pemeliharaan Warisan	Menangkap ikan di sungai	Keselamatan Sosial
<b>D</b>	Kebajikan Masyarakat	Tanah	Kebajikan Orang Asli

Majlis-majlis penyelarasan yang ditubuhkan di bawah peruntukan perlembagaan bertujuan melicinkan tugas-tugas pentadbiran dan menyelaraskan dasar-dasar kerajaan

8. Yang manakah antara berikut merupakan majlis penyelarasan yang ditubuhkan mengikut peruntukan perlembagaan ?

- I      Majlis Keselamatan Negara
- II     Majlis Kewangan Negara
- III    Majlis Tanah Negara
- IV    Majlis Tindakan Negara
- A      I dan II
- B      I dan IV
- C      II dan III
- D      III dan IV

9. Yang manakah antara berikut fungsi Majlis Raja-raja?

- I      Menentukan hari kelepasan negeri
- II     Mempersetujui atau tidak perubahan sempadan negeri
- III    Memberikan nasihat berkaitan pelantikan Hakim Besar
- IV    Mempertimbangkan amalan atau upacara agama seluruh persekutuan
- A      I dan II
- B      I dan III
- C      II dan IV
- D      III dan IV

10. Antara berikut yang manakah tanggungjawab Ketua Audit Negara ?

- I      Menjelaskan kelemahan dalam perbelanjaan
- II     Menyiapkan laporan tentang akaun perbelanjaan
- III    Menerima dan mengutip caruman daripada majikan
- IV    Mengubal dasar dan menguruskan pinjaman perumahan kakitangan awam
- A      I dan II
- B      I dan IV
- C      II dan III
- D      III dan IV

11. Antara berikut yang manakah merupakan kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong ?

- A mengisytiharkan darurat
- B memperkenalkan perlantikan Jemaah Menteri
- C memperkenalkan pindaan Perlembagaan Persekutuan
- D memperkenalkan permintaan untuk pembubaran Parlimen

12. Yang manakah pernyataan yang tepat tentang tiga suruhanjaya yang dinyatakan?

	<b>Suruhanjaya Pilihan Raya</b>	<b>Suruhanjaya Pekhidmatan</b>	<b>Suruhanjaya Khas</b>
A	Menyemak kawasan pengundian	Mewujudkan jawatan kosong	Menyemak kes yang dirujuk
B	Menyemak pendaftaran pengundi	Mengambil tindakan disiplin kakitangan awam	Mengeluarkan arahan perpindahan kakitangan awam
<u>C</u>	<u>Mengubah kawasan pilihan raya</u>	<u>Membuat pengesahan jawatan kakitangan awam</u>	<u>Mengkaji sesuatu isu</u>
D	Menyemak kawasan pilihan raya	Mengkaji kenaikan gaji kakitangan awam	Mengambil tindakan disiplin kakitangan awam

13. Yang manakah benar tentang amalan demokrasi di Malaysia?

- I Parlimen Malaysia berbentuk dwidewan
- II Sistem Parlimen Malaysia berasaskan sistem Parlimen Westminster
- III Dewan Undangan Negeri terbubar sebaik sahaja Parlimen dibubarkan
- IV Rakyat Malaysia yang berusia 21 tahun ke atas diwajibkan mengundi
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Encik Rosli yang baru membeli sebidang tanah sawah berhasrat menukar status tanah sawahnya kepada tanah pembangunan.

14. Pihak yang manakah berkuasa meluluskan permohonan di atas ?

- A Dewan Undangan Negeri
- B Pejabat Tanah dan Galian
- C Pihak Berkuasa Tempatan
- D Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

15. Antara berikut aspek yang manakah diambil kira oleh Kerajaan Persekutuan dalam memberikan peruntukan atau geran kepada pihak berkuasa tempatan ?

- I Taraf dan status sesebuah pihak berkuasa tempatan
- II Jumlah kutipan hasil oleh sesebuah PBT
- III Jumlah bilangan penduduk yang dimiliki
- IV Panjang jalan raya dalam kawasan PBT
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

## PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PA PENGGAL 1 2013

## JAWAPAN BAHAGIAN A

No Soalan	Jawapan
1	B
2	D
3	D
4	B
5	A
6	C
7	B
8	C
9	C
10	A
11	D
12	C
13	A
14	D
15	A

**Bahagian B**

[ 15 markah ]

*Jawab semua soalan*

16. Jelaskan bagaimana taraf kewarganegaraan seseorang warganegara boleh ditamatkan ? [ 4M ]

- i. Permohonan menolak secara sukarela / oleh warganegara berumur 21 tahun ke atas dengan syarat sempurna akal dan telah memiliki kewarganegaraan negara lain

- ii. Perlucutan kewarganegaraan mengikut undang-undang / sekiranya telah menjadi warganegara asing, menderheka terhadap Negara ketika peperangan, dibuktikan tidak setia kepada Negara atau tindakannya yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan Negara serta warganegara secara pendaftaran yang telah dihukum penjara tidak kurang 12 bulan atau didenda tidak kurang RM5000 tanpa mendapat pengampunan ( *memadai dengan mengemukakan mana-mana 1 contoh* )

17. Nyatakan **empat** sebab seseorang calon hilang kelayakan untuk bertanding. [ 4M ]

- i. Telah didapati atau diisytiharkan tidak siuman
- ii. diisytiharkan sebagai seorang yang bankrap atau muflis
- iii. memegang jawatan berkepentingan 'office of profit' / berpendapatan
- iv. telah didapati bersalah oleh mahkamah di Malaysia dan dijatuhi hukuman penjara untuk tempoh tidak kurang dari 1 tahun dan belum mendapat pengampunan
- v. atau denda tidak kurang daripada RM 2000 dan belum mendapat pengampunan
- vi. telah memperoleh kewarganegaraan asing
- vii. Kertas penamaan calonnya telah ditolak atas kesalahan teknikal

18. Huraikan dua sebab Kerajaan Persekutuan memberi geran dan peruntukan kepada Kerajaan Negeri. [ 4M ]

- i. Pemberian geran untuk meningkatkan keperluan infrastruktur, sosial dan ekonomi rakyat negeri berkenaan kerana geran diberi berdasarkan jumlah penduduk.
- ii. Geran juga mengambilkira panjang jalan negeri. Hal ini bertujuan melaksanakan pembinaan jalan dan penyelenggaraan jalan raya negeri.

19. Kerajaan telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP ) dalam usaha meningkatkan pendapatan negara kasar.

Senaraikan 3 fokus Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA )

[ 3M ]

- i. Perkhidmatan Perniagaan
- ii. Pelancongan
- iii. Minyak dan Gas
- iv. Pendidikan
- v. Pemborong dan Peruncitan
- vi. Greater Kuala Lumpur
- vii. Perkhidmatan Kewangan
- viii. Elektrik dan elektronik
- ix. Minyak sawit dan produk berkaitan
- x. Penjagaan Kesihatan Swasta
- xi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- xii. Pertanian



### Bahagian C

[ 50 markah ]

*Pilih dua daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

Soalan 20.

Jenayah penyeludupan merupakan salah satu permasalahan yang wujud antara dua buah Negara yang berjiran dan bersempadan. Jelaskan sebab kegiatan ini kian berleluasa dan implikasinya ke atas kedua-dua negara.

#### FAKTOR BERLAKUNYA PENYELUDUPAN

Idea 1 : Perbezaan harga barangan antara dua buah negara yang bersempadan

- Harga barang yang rendah di sesebuah negara membuatkan ada usaha membawa keluar barangan berkenaan untuk dijual di negara jiran yang tinggi harganya.
- Sebagai contohnya, harga beras di Thailand yang lebih rendah membawa kepada penyeludupan beras dari Thailand memasuki Malaysia.
- Produk-produk yang menerima subsidi kerajaan atau dikawal harganya oleh kerajaan lazimnya jauh lebih murah di negara kita
- Misalnya harga gula, minyak masak dan minyak petrol yang lebih rendah di Malaysia membuatkan berlaku penyeludupan petrol ke Thailand/Singapura.

Idea 2 : Kekurangan sumber di salah sebuah negara atau negara yang bersempadan

- Apabila berlaku kekurangan sumber maka harga barangan akan meningkat.
- Peningkatan harga di 2 buah negara yang berkongsi sempadan darat, memudahkan barangan menyeberangi sempadan secara tidak sah atau menggunakan lorong tikus bagi memenuhi kekurangan barangan.
- Produk yang sering mengalami keputusan sumber adalah bekalan makanan atau keperluan harian terutama pada musim perayaan atau apabila salah sebuah negara mengalami malapetaka / krisis alam
- Kekurangan sumber ini perlu ditampung apatah lagi kalau melibatkan barang keperluan makanan.

[Type text]

Idea 3 : Undang-undang kawalan perdagangan yang berbeza antara negara yang bersempadan

- Malaysia melarang eksport kayu balak mentah atau yang belum diproses
- Ada negara jiran pula yang membenarkan aktiviti dan perdagangan sedemikian
- Kesannya berlakulah penyeludupan kayu balak mentah yang belum diproses dari hutan Malaysia ke negara jiran
- Penyeludupan ini bagi memenuhi permintaan kayu balak mentah di pasaran antarabangsa di samping dalam mengelakkan pembayaran cukai eksport yang tinggi
- Tindakan ini juga dapat mengurangkan kos pengangkutan dan pemprosesan kayu

Idea 4: Tindakan mengelak cukai import dan cukai eksport yang tinggi dalam sesebuah negara

- Harga barangan import meningkat naik kerana kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan tinggi
- Tanpa cukai, suatu barangan boleh dijual dengan harga yang lebih murah dan akan mendapat permintaan yang tinggi, contohnya penyeludupan produk rokok, barangan elektronik, barangan mewah dan minuman keras
- Bagi mendapatkan permintaan yang tinggi, barangan diseludup untuk mengelak daripada dijual dengan harga yang tinggi.
- Selain itu, penjualan barangan yang diseludup juga boleh meningkatkan margin keuntungan peniagaan kerana modalnya rendah

Idea 5: Memenuhi pasaran dan permintaan bermusim di salah sebuah negara

- Semasa musim perayaan seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina, permintaan terhadap barangan tertentu akan meningkat
- Sering kali barangan yang diperlukan tidak mencukupi dalam pasaran tempatan
- Contohnya, pada musim perayaan haji, banyak binatang ternakan seperti lembu dan kambing cuba dibawa masuk dari sempadan utara Malaysia.
- Begitu juga dengan bekalan mercun dan produk makanan dari China dibawa masuk secara haram menjelang Tahun Baru Cina

#### Idea 6: Kawalan sempadan

- Sempadan yang panjang kawasan hutannya, ditambah dihubungkan dengan laut.
- Menyebabkan terdapat banyak lorong tikus di kawasan sempadan Negara misalnya di Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak
- Kawasan berhampiran lorong tikus menjadi pusat transit barangan yang ingin diseludup
- Memudahkan persembunyian sebelum dibawa ke pasaran
- Ini menyebabkan penyeludupan barangan keperluan harian dan barangan larangan seperti senjata api, mercun , dadah dan organ binatang , malah pemerdagangan orang mudah dijalankan

#### KESAN

##### Idea 7: Negara yang terbabit akan mengalami kerugian dari segi ekonomi

- Kadar cukai yang dilepaskan atas suatu barangan / pendapatan Negara dari cukai berkurangan
- Negara kehilangan aset yang diseludup begitu sahaja tanpa kawalan
- Kadar cukai yang diperoleh boleh digunakan untuk merangsang kegiatan ekonomi lain.

##### Idea 8: Imej negara

- Imej negara yang seolah-olah membenarkan jualan barangan dari negara jiran tanpa izin.
- Menggambarkan ketidakupayaan negara menangani masalah penyeludupan. / kawalan sempadan
- Penyeludupan juga melibatkan barangan tiruan, maka akan berlaku lambakan barangan kerana tidak boleh dijual di tempat rasmi.
- Menggambarkan berlakunya krisis keselamatan dalam sesuatu Negara

Idea 9: Negara menghadapi risiko menularnya jenayah penyeludupan yang berbahaya
---

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelonggaran kawalan sempadan boleh ditafsirkan sebagai tidak sukar untuk menembusi barangan lain.</li> <li>• Ini akan membuka ruang kepada penyeledupan barangan larangan yang lebih serius seperti penyeludupan manusia / senjata api / dadah</li> <li>• Negara kemungkinan besar akan dijadikan pusat transit kegiatan penyeludupan antarabangsa</li> </ul> |
|--|

Idea 10: Berisiko mengeruhkan hubungan antara dua negara
--

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjejaskan hubungan baik antara dua negara yang berjiran kerana membenarkan harta intelek negara mereka dirompak dan 'dijual' di Malaysia.</li> <li>• Penyeludupan kain batik Indonesia telah menimbulkan situasi yang tidak baik kerana dijual dengan harga yang berbeza sedangkan mutu dan jenis barangan adalah sama.</li> <li>• Keadaan akan mengundang tindakan memboikot dan protes daripada pengeluar batik negara jiran sehingga mewujudkan keadaan yang tidak baik antara peniaga atau pedagang antara kedua- dua buah negara.</li> </ul> |
|--|

Idea 11 : Menularnya pelbagai penyakit berjangkit berkaitan ternakan dan tanaman
--

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyakit haiwan ternakan dari negara jiran, iaitu penyakit kuku dan mulut telah menular semula di negara kita sedangkan penyakit ini berjaya dikawal di dalam negara.</li> <li>• Penyebaran penyakit ini berpunca daripada ternakan yang diseludup masuk.</li> <li>• Pemeriksaan kesihatan dan jaminan bebas penyakit tidak dapat dilakukan.</li> </ul> |
|--|

Idea 12 : Kemasukan barangan yang tidak bermutu
---

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Barangan tidak bermutu sekiranya melibatkan barang untuk kesihatan dan kosmetik berisiko mendatangkan masalah kesihatan kepada rakyat Malaysia.</li> <li>• Barangan seperti barangan elektrik yang standard penggunaannya tidak sama antara dua buah negara ( contoh Malaysia dengan Thailand) juga mendatangkan risiko berlakunya lebihan tenaga yang boleh menyebabkan kebakaran.</li> </ul> |
|---|

Formula Jawapan sama ada  $2 + 3 / 3 + 2$

[Type text]

## Soalan 21

Pembangunan merupakan suatu proses yang penting untuk menghasilkan kemajuan kepada rakyat dan negara. Namun demikian, kepesatan pembangunan tidak dapat lari daripada ketirisan nilai mulia kemanusiaan. Jelaskan.

**1. Pembangunan biasanya diiringi dengan penyediaan pelbagai kemudahan prasarana kepada rakyat.**

- Misalnya, jalan raya dan premis perniagaan.
- Jalan raya akan memudahkan urusan pergerakan rakyat, bank dan pejabat pos pula menyediakan perkhidmatan kepada pengguna untuk membayar pelbagai bil dan menyimpan wang serta barang berharga lain .
- Melalui pembinaan kemudahan dan prasarana seperti ini akan membolehkan rakyat mendapat pelbagai manfaat. *Sebagai contohnya, melalui pembinaan prasarana ini secara tidak langsung akan membangunkan kawasan di sekitarnya dan semua penduduk akan bertumpu di kawasan tersebut.*
- Jadi bolehlah dikatakan yang pembangunan yang pesat mampu memberikan faedah prasarana kepada rakyat.

**2. Pembangunan menyediakan peluang pekerjaan semasa pembangunan dijalankan atau selepas premis beroperasi seperti peluang untuk bekerja di bank atau premis perniagaan yang dibuka.**

- Peluang pekerjaan yang diperolehi rakyat melalui pembangunan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan rakyat sekali gus mengurangkan masalah kemiskinan dan pengangguran.
  - Rakyat juga boleh mencipta dan melakukan kerja-kerja sampingan lain.
  - *Sebagai. contohnya pembukaan pasar malam dan petang di tempat-tempat yang padat dengan penduduk.*
- Sesungguhnya pembangunan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk.

**3. Setelah pembangunan dijalankan kawasan setempat mengalami pertumbuhan maka rakyat dapat memanfaatkan kemajuan yang pesat.**

- Kawasan yang dahulunya tidak diusik oleh pembangunan hanyalah sebuah kawasan yang tidak mempunyai nilai ekonomi.
- Misalnya, apabila jalan raya atau lebuh raya dibina ke kawasan peranginan, maka

pelbagai sektor lain akan tumbuh dengan rancak dan secara tidak langsung kawasan setempat mendapat limpahan kemajuan.

- *Sebagai contohnya, pembinaan lapangan terbang Sibu dan jalan yang baik membawa kepada peningkatan jumlah pelancong ke Sibu.*
- Jelaslah yang pembangunan merencanakan pembangunan setempat.

**4. Pembangunan fizikal yang tidak terkawal akan mengorbankan alam semula jadi.**

- Antara bentuk pembangunan fizikal ialah membina bangunan pencakar langit seperti Menara Berkembar Petronas, membina lapangan terbang seperti KLIA dan membina pelbagai lebuh raya seperti Lebuhraya Pantai Timur.
- Pembangunan yang dilaksanakan di suatu tempat yang baharu sudah semestinya menyebabkan kerja-kerja membersihkan tanah dijalankan.
- Dengan itu, berlakulah usaha menebang pokok dan mengubahsuai tanah. Pokok yang menyumbang kepada kelangsungan lestari alam sekitar terpaksa dikorbankan.
- *Misalnya, sewaktu pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.* Ringkasnya, pembangunan fizikal akan mengorbankan alam semula jadi.

**5. Pembangunan menuntut kesibukan kerja dan akan mengorbankan nilai kejiranan.**

- Pembangunan akan menyebabkan setiap individu mengalami kesibukan bekerja, stres, kekurangan masa dan seumpamanya.
- Antaranya mereka mungkin terpaksa bekerja jauh dari kediaman, keluar awal pagi dan balik lewat malam serta bekerja sehari suntuk atau keluar kawasan beberapa ketika.
- Keadaan tersebut sudah semestinya mengorbankan nilai kejiranan, *contohnya sukar bertegur sapa dan tidak dapat mengikuti banyak program kemasyarakatan.*
- Terbuktilah, yang pembangunan menuntut kesibukan kerja dan akan mengorbankan nilai kejiranan.

Pembangunan yang berhemah perlulah dilaksanakan dengan baik agar manfaat yang diperoleh berbaloi. Kita tidak mahu melihat pembangunan yang terpaksa mengorbankan nilai estika dan kesejahteraan alam sekitar.

Formula Jawapan sama ada  $2 + 3 / 3 + 2$

## Soalan 22

E-niaga merupakan konsep dan platform perniagaan maya yang menjadi kegemaran dan kegilaan generasi baharu . Namun demikian sambutan dan penerimaan terhadap konsep ini masih rendah berbanding negara maju lain di dunia. Huraikan.

Pengenalan: Pembangunan e-niaga telah membuka ruang yang lebih luas untuk menjana pendapatanusahawan dan seterusnya merancakkan ekonomi negara. Namun, urusniaga bentuk ini masih kurang mendapat sambutan.

Bil	Idea	Huraian Idea
1	<b>A: Faktor Mendapat tempat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjimatkan kos peniaga dan pembeli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Peniaga menjual barangan dan perkhidmatan mereka kepada pelanggan secara langsung</li> <li>-Tidak perlu menyewa tapak kedai sebaliknya menempatkan perniagaan di sebuah pelayan web utama.</li> <li>- Kaedah peniagaan terus kepada pelanggan(B2C) dapat menjimatkan kos pemasaran dan seterusnya meningkatkan margin keuntungan.</li> <li>- menjamin harga yang lebih rendah</li> <li>- Cth: Syarikat penerbangan Air Asia telah menggunakan kaedah e-niaga sebagai medium untuk menawarkan perkhidmatan penerbangan bagi mengurangkan kos.</li> </ul>
2	Kaedah transaksi tanpa sempadan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelbagai urusan perbankan dan transaksi boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana juga</li> <li>- Pengguna tidak terikat dengan urusan waktu pejabat / terpaksa beratur panjang di kaunter bayaran</li> <li>- Pelayan web utama boleh dikunjungi pada bila-bila masa</li> <li>Cth: Perkhidmatan Maybank2U.Com , CIMB Click</li> </ul>
3	Saiz pasaran yang lebih luas	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Barangan dipasarkan ke seluruh dunia tanpa sebarang masalah / di atas talian</li> <li>- Saiz pasaran yang lebih luas menjanjikan pelanggan yang lebih ramai / pelanggan merentasi sempadan Negara</li> </ul>
4	Pilihan barangan dan perkhidmatan yang pelbagai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelanggan dapat mengakses serta merta barangan dan perkhidmatan yang disediakan</li> <li>- Menjadikan mereka pengguna yang lebih peka</li> </ul>

	dan terkini	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Maklumat dan senarai harga terkini disediakan dalam talian.</li> <li>- Maklumat produk sentiasa dikemaskini bagi membantu pembeli membuat perbandingan daripada pelbagai aspek, seterusnya membuat pilihan yang tepat dan bijak</li> </ul>
5	<b>B: Faktor-faktor kurang mendapat sambutan</b> Jumlah pengguna internet yang terhad / jurang digital	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berdasarkan laporan Penggunaan Internet, pengguna internet hanya tertumpu di Lembah Kelang dan kawasan sekitarnya.</li> <li>- Pengguna internet di negeri-negeri lain terutamanya di kawasan luar bandar adalah rendah, iaitu di bawah paras 10% .</li> <li>- Kadar yang rendah disebabkan jurang digital</li> <li>- Jumlah penggunaan yang terhad akan mengganggu perkembangan e-niaga</li> </ul>
6	Usia pengguna	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebanyakan pengguna internet adalah golongan muda dan remaja yang berumur antara 15 hingga 19 tahun dan 20 hingga 24 tahun.</li> <li>- Kebanyakan mereka masih menuntut dan tidak mempunyai pendapatan</li> <li>- Mereka menggunakan internet untuk tujuan hiburan, berkomunikasi dan mencari maklumat</li> <li>- Keadaan ini gagal mewujudkan kumpulan pengguna yang berkualiti untuk pasaran e-niaga</li> </ul>
7	Keselamatan transaksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kad kredit merupakan kaedah pembayaran yang popular dan pengguna bimbang terhadap keselamatan transaksi</li> <li>- Kebanyakan pelanggan masih kurang yakin untuk memberi maklumat kad kredit</li> <li>- Kebimbangan wujud terhadap kemungkinan maklumat peribadi dan nombor akaun kad kredit mereka dipintas oleh penggodam system komputer</li> <li>- Justeru, e-niaga bukan menjadi pilihan utama</li> </ul>

Formula Jawapan sama ada  $2 + 3 / 3 + 2$

[Type text]



## Bahagian A

[15 markah]

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini. Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.  
Hitamkan jawapan yang betul dalam borang jawapan yang disediakan.

1. Antara berikut, manakah yang berkaitan dengan ciri-cirisebuah negara yang berdaulat?

- I. Mempunyai institusi pentadbiran yang berkesan
- II Mempunyai penduduk yang berbilang bangsa
- III Mempunyai pemerintahan secara demokrasi
- IV Mempunyai sempadan yang jelas

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

Anak : Dilahirkan di Kampung BaruTriang.

Ibu : Warganegara Thailand

Ayah : Seorang pemastautin tetap tetapi belum memperoleh kewarganegaraan.

2. Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai taraf kewarganegaraan anak di atas ?

- A Bukan warganegara
- B Warganegara secara masukan
- C Warganegara secara pendaftaran
- D Warganegara secara kuatkuasa undang-undang

Encik X mengamuk dengan menggunakan parang panjang di stesen bas Kuantan.

3. Encik X boleh ditahan melalui

- A saman
- B waran tangkap
- C writ mahkamah
- D tangkap tanpa waran

4. Yang manakah antara kesalahan berikut dikategorikan sebagai kes jenayah?

- I Meminta ganjaran dan saguhati daripada pelanggan
- II menuntut harta warisan daripada kedua-dua ibu bapa
- III tidak menyelesaikan bayaran balik pinjaman perumahan
- IV mencuri maklumat akaun dan peribadi pelanggan melalui internet
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Seorang anggota tentera berpangkat sarjan yang ponteng tugas telah merompak seorang pendatang asing tanpa izin menggunakan selaras senapang yang dicuri daripada kem tentera tempat beliau bertugas.

5. Di manakah anggota tentera tersebut akan diadili?

- A Mahkamah Tinggi
- B Mahkamah Majistret
- C Mahkamah Tinggi Tentera
- D Mahkamah Rendah Tentera

6. Yang manakah merupakan ahli ex-officio Dewan Undangan Negeri Melaka?

- A Pegawai Kewangan Negeri
- B Setiausaha Kerajaan Negeri
- C Penasihat Undang-Undang Negeri
- D Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri

7. Antara penyataatan berikut, yang manakah benar tentang pembahagian kuasa perundangan yang disenaraikan dalam Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan?

	<i>Senarai Persekutuan</i>	<i>Senarai Negeri</i>	<i>Senarai Bersama</i>
<b>A</b>	Hari Kelepasan Am	Perkhidmatan Bomba	Perikanan Laut Dalam
<b>B</b>	<u>Kajian, Siasatan dan Penyelidikan</u>	<u>Muzium</u>	<u>Kebudayaan dan Sukan</u>
<b>C</b>	Pemeliharaan Warisan	Menangkap ikan di sungai	Keselamatan Sosial
<b>D</b>	Kebajikan Masyarakat	Tanah	Kebajikan Orang Asli

Majlis-majlis penyelarasan yang ditubuhkan di bawah peruntukan perlembagaan bertujuan melicinkan tugas-tugas pentadbiran dan menyelaraskan dasar-dasar kerajaan

8. Yang manakah antara berikut merupakan majlis penyelarasan yang ditubuhkan mengikut peruntukan perlembagaan ?

- I      Majlis Keselamatan Negara
- II     Majlis Kewangan Negara
- III    Majlis Tanah Negara
- IV    Majlis Tindakan Negara
- A      I dan II
- B      I dan IV
- C      II dan III
- D      III dan IV

9. Yang manakah antara berikut fungsi Majlis Raja-raja?

- I      Menentukan hari kelepasan negeri
- II     Mempersetujui atau tidak perubahan sempadan negeri
- III    Memberikan nasihat berkaitan pelantikan Hakim Besar
- IV    Mempertimbangkan amalan atau upacara agama seluruh persekutuan
- A      I dan II
- B      I dan III
- C      II dan IV
- D      III dan IV

10. Antara berikut yang manakah tanggungjawab Ketua Audit Negara ?

- I      Menjelaskan kelemahan dalam perbelanjaan
- II     Menyiapkan laporan tentang akaun perbelanjaan
- III    Menerima dan mengutip caruman daripada majikan
- IV    Mengubal dasar dan menguruskan pinjaman perumahan kakitangan awam
- A      I dan II
- B      I dan IV
- C      II dan III
- D      III dan IV

11. Antara berikut yang manakah merupakan kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong ?

- A mengisytiharkan darurat
- B memperkenalkan perlantikan Jemaah Menteri
- C memperkenalkan pindaan Perlembagaan Persekutuan
- D memperkenalkan permintaan untuk pembubaran Parlimen

12. Yang manakah pernyataan yang tepat tentang tiga suruhanjaya yang dinyatakan?

	<b>Suruhanjaya Pilihan Raya</b>	<b>Suruhanjaya Pekhidmatan</b>	<b>Suruhanjaya Khas</b>
A	Menyemak kawasan pengundian	Mewujudkan jawatan kosong	Menyemak kes yang dirujuk
B	Menyemak pendaftaran pengundi	Mengambil tindakan disiplin kakitangan awam	Mengeluarkan arahan perpindahan kakitangan awam
<u>C</u>	<u>Mengubah kawasan pilihan raya</u>	<u>Membuat pengesahan jawatan kakitangan awam</u>	<u>Mengkaji sesuatu isu</u>
D	Menyemak kawasan pilihan raya	Mengkaji kenaikan gaji kakitangan awam	Mengambil tindakan disiplin kakitangan awam

13. Yang manakah benar tentang amalan demokrasi di Malaysia?

- I Parlimen Malaysia berbentuk dwidewan
- II Sistem Parlimen Malaysia berasaskan sistem Parlimen Westminster
- III Dewan Undangan Negeri terbubar sebaik sahaja Parlimen dibubarkan
- IV Rakyat Malaysia yang berusia 21 tahun ke atas diwajibkan mengundi
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Encik Rosli yang baru membeli sebidang tanah sawah berhasrat menukar status tanah sawahnya kepada tanah pembangunan.

14. Pihak yang manakah berkuasa meluluskan permohonan di atas ?

- A Dewan Undangan Negeri
- B Pejabat Tanah dan Galian
- C Pihak Berkuasa Tempatan
- D Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

15. Antara berikut aspek yang manakah diambil kira oleh Kerajaan Persekutuan dalam memberikan peruntukan atau geran kepada pihak berkuasa tempatan ?

- I Taraf dan status sesebuah pihak berkuasa tempatan
- II Jumlah kutipan hasil oleh sesebuah PBT
- III Jumlah bilangan penduduk yang dimiliki
- IV Panjang jalan raya dalam kawasan PBT
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

## PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PA PENGGAL 1 2013

## JAWAPAN BAHAGIAN A

No Soalan	Jawapan
1	B
2	D
3	D
4	B
5	A
6	C
7	B
8	C
9	C
10	A
11	D
12	C
13	A
14	D
15	A

**Bahagian B**

[ 15 markah ]

*Jawab semua soalan*

16. Jelaskan bagaimana taraf kewarganegaraan seseorang warganegara boleh ditamatkan ? [ 4M ]

- i. Permohonan menolak secara sukarela / oleh warganegara berumur 21 tahun ke atas dengan syarat sempurna akal dan telah memiliki kewarganegaraan negara lain

- ii. Perlucutan kewarganegaraan mengikut undang-undang / sekiranya telah menjadi warganegara asing, menderheka terhadap Negara ketika peperangan, dibuktikan tidak setia kepada Negara atau tindakannya yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan Negara serta warganegara secara pendaftaran yang telah dihukum penjara tidak kurang 12 bulan atau didenda tidak kurang RM5000 tanpa mendapat pengampunan ( *memadai dengan mengemukakan mana-mana 1 contoh* )

17. Nyatakan **empat** sebab seseorang calon hilang kelayakan untuk bertanding. [ 4M ]

- i. Telah didapati atau diisytiharkan tidak siuman
- ii. diisytiharkan sebagai seorang yang bankrap atau muflis
- iii. memegang jawatan berkepentingan 'office of profit' / berpendapatan
- iv. telah didapati bersalah oleh mahkamah di Malaysia dan dijatuhi hukuman penjara untuk tempoh tidak kurang dari 1 tahun dan belum mendapat pengampunan
- v. atau denda tidak kurang daripada RM 2000 dan belum mendapat pengampunan
- vi. telah memperoleh kewarganegaraan asing
- vii. Kertas penamaan calonnya telah ditolak atas kesalahan teknikal

18. Huraikan dua sebab Kerajaan Persekutuan memberi geran dan peruntukan kepada Kerajaan Negeri. [ 4M ]

- i. Pemberian geran untuk meningkatkan keperluan infrastruktur, sosial dan ekonomi rakyat negeri berkenaan kerana geran diberi berdasarkan jumlah penduduk.
- ii. Geran juga mengambilkira panjang jalan negeri. Hal ini bertujuan melaksanakan pembinaan jalan dan penyelenggaraan jalan raya negeri.

19. Kerajaan telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP ) dalam usaha meningkatkan pendapatan negara kasar.

Senaraikan 3 fokus Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA )

[ 3M ]

- i. Perkhidmatan Perniagaan
- ii. Pelancongan
- iii. Minyak dan Gas
- iv. Pendidikan
- v. Pemborong dan Peruncitan
- vi. Greater Kuala Lumpur
- vii. Perkhidmatan Kewangan
- viii. Elektrik dan elektronik
- ix. Minyak sawit dan produk berkaitan
- x. Penjagaan Kesihatan Swasta
- xi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- xii. Pertanian



### Bahagian C

[ 50 markah ]

*Pilih dua daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

Soalan 20.

Jenayah penyeludupan merupakan salah satu permasalahan yang wujud antara dua buah Negara yang berjiran dan bersempadan. Jelaskan sebab kegiatan ini kian berleluasa dan implikasinya ke atas kedua-dua negara.

#### FAKTOR BERLAKUNYA PENYELUDUPAN

Idea 1 : Perbezaan harga barangan antara dua buah negara yang bersempadan

- Harga barang yang rendah di sesebuah negara membuatkan ada usaha membawa keluar barangan berkenaan untuk dijual di negara jiran yang tinggi harganya.
- Sebagai contohnya, harga beras di Thailand yang lebih rendah membawa kepada penyeludupan beras dari Thailand memasuki Malaysia.
- Produk-produk yang menerima subsidi kerajaan atau dikawal harganya oleh kerajaan lazimnya jauh lebih murah di negara kita
- Misalnya harga gula, minyak masak dan minyak petrol yang lebih rendah di Malaysia membuatkan berlaku penyeludupan petrol ke Thailand/Singapura.

Idea 2 : Kekurangan sumber di salah sebuah negara atau negara yang bersempadan

- Apabila berlaku kekurangan sumber maka harga barangan akan meningkat.
- Peningkatan harga di 2 buah negara yang berkongsi sempadan darat, memudahkan barangan menyeberangi sempadan secara tidak sah atau menggunakan lorong tikus bagi memenuhi kekurangan barangan.
- Produk yang sering mengalami keputusan sumber adalah bekalan makanan atau keperluan harian terutama pada musim perayaan atau apabila salah sebuah negara mengalami malapetaka / krisis alam
- Kekurangan sumber ini perlu ditampung apatah lagi kalau melibatkan barang keperluan makanan.

[Type text]

Idea 3 : Undang-undang kawalan perdagangan yang berbeza antara negara yang bersempadan

- Malaysia melarang eksport kayu balak mentah atau yang belum diproses
- Ada negara jiran pula yang membenarkan aktiviti dan perdagangan sedemikian
- Kesannya berlakulah penyeludupan kayu balak mentah yang belum diproses dari hutan Malaysia ke negara jiran
- Penyeludupan ini bagi memenuhi permintaan kayu balak mentah di pasaran antarabangsa di samping dalam mengelakkan pembayaran cukai eksport yang tinggi
- Tindakan ini juga dapat mengurangkan kos pengangkutan dan pemprosesan kayu

Idea 4: Tindakan mengelak cukai import dan cukai eksport yang tinggi dalam sesebuah negara

- Harga barangan import meningkat naik kerana kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan tinggi
- Tanpa cukai, suatu barangan boleh dijual dengan harga yang lebih murah dan akan mendapat permintaan yang tinggi, contohnya penyeludupan produk rokok, barangan elektronik, barangan mewah dan minuman keras
- Bagi mendapatkan permintaan yang tinggi, barangan diseludup untuk mengelak daripada dijual dengan harga yang tinggi.
- Selain itu, penjualan barangan yang diseludup juga boleh meningkatkan margin keuntungan peniagaan kerana modalnya rendah

Idea 5: Memenuhi pasaran dan permintaan bermusim di salah sebuah negara

- Semasa musim perayaan seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina, permintaan terhadap barangan tertentu akan meningkat
- Sering kali barangan yang diperlukan tidak mencukupi dalam pasaran tempatan
- Contohnya, pada musim perayaan haji, banyak binatang ternakan seperti lembu dan kambing cuba dibawa masuk dari sempadan utara Malaysia.
- Begitu juga dengan bekalan mercun dan produk makanan dari China dibawa masuk secara haram menjelang Tahun Baru Cina

#### Idea 6: Kawalan sempadan

- Sempadan yang panjang kawasan hutannya, ditambah dihubungkan dengan laut.
- Menyebabkan terdapat banyak lorong tikus di kawasan sempadan Negara misalnya di Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak
- Kawasan berhampiran lorong tikus menjadi pusat transit barangan yang ingin diseludup
- Memudahkan persembunyian sebelum dibawa ke pasaran
- Ini menyebabkan penyeludupan barangan keperluan harian dan barangan larangan seperti senjata api, mercun , dadah dan organ binatang , malah pemerdagangan orang mudah dijalankan

#### KESAN

##### Idea 7: Negara yang terbabit akan mengalami kerugian dari segi ekonomi

- Kadar cukai yang dilepaskan atas suatu barangan / pendapatan Negara dari cukai berkurangan
- Negara kehilangan aset yang diseludup begitu sahaja tanpa kawalan
- Kadar cukai yang diperoleh boleh digunakan untuk merangsang kegiatan ekonomi lain.

##### Idea 8: Imej negara

- Imej negara yang seolah-olah membenarkan jualan barangan dari negara jiran tanpa izin.
- Menggambarkan ketidakupayaan negara menangani masalah penyeludupan. / kawalan sempadan
- Penyeludupan juga melibatkan barangan tiruan, maka akan berlaku lambakan barangan kerana tidak boleh dijual di tempat rasmi.
- Menggambarkan berlakunya krisis keselamatan dalam sesuatu Negara

Idea 9: Negara menghadapi risiko menularnya jenayah penyeludupan yang berbahaya
---

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelonggaran kawalan sempadan boleh ditafsirkan sebagai tidak sukar untuk menembusi barangan lain.</li> <li>• Ini akan membuka ruang kepada penyeledupan barangan larangan yang lebih serius seperti penyeludupan manusia / senjata api / dadah</li> <li>• Negara kemungkinan besar akan dijadikan pusat transit kegiatan penyeludupan antarabangsa</li> </ul> |
|--|

Idea 10: Berisiko mengeruhkan hubungan antara dua negara
--

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjejaskan hubungan baik antara dua negara yang berjiran kerana membenarkan harta intelek negara mereka dirompak dan 'dijual' di Malaysia.</li> <li>• Penyeludupan kain batik Indonesia telah menimbulkan situasi yang tidak baik kerana dijual dengan harga yang berbeza sedangkan mutu dan jenis barangan adalah sama.</li> <li>• Keadaan akan mengundang tindakan memboikot dan protes daripada pengeluar batik negara jiran sehingga mewujudkan keadaan yang tidak baik antara peniaga atau pedagang antara kedua- dua buah negara.</li> </ul> |
|--|

Idea 11 : Menularnya pelbagai penyakit berjangkit berkaitan ternakan dan tanaman
--

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyakit haiwan ternakan dari negara jiran, iaitu penyakit kuku dan mulut telah menular semula di negara kita sedangkan penyakit ini berjaya dikawal di dalam negara.</li> <li>• Penyebaran penyakit ini berpunca daripada ternakan yang diseludup masuk.</li> <li>• Pemeriksaan kesihatan dan jaminan bebas penyakit tidak dapat dilakukan.</li> </ul> |
|--|

Idea 12 : Kemasukan barangan yang tidak bermutu
---

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Barangan tidak bermutu sekiranya melibatkan barang untuk kesihatan dan kosmetik berisiko mendatangkan masalah kesihatan kepada rakyat Malaysia.</li> <li>• Barangan seperti barangan elektrik yang standard penggunaannya tidak sama antara dua buah negara ( contoh Malaysia dengan Thailand) juga mendatangkan risiko berlakunya lebihan tenaga yang boleh menyebabkan kebakaran.</li> </ul> |
|---|

Formula Jawapan sama ada  $2 + 3 / 3 + 2$

[Type text]

## Soalan 21

Pembangunan merupakan suatu proses yang penting untuk menghasilkan kemajuan kepada rakyat dan negara. Namun demikian, kepesatan pembangunan tidak dapat lari daripada ketirisan nilai mulia kemanusiaan. Jelaskan.

**1. Pembangunan biasanya diiringi dengan penyediaan pelbagai kemudahan prasarana kepada rakyat.**

- Misalnya, jalan raya dan premis perniagaan.
- Jalan raya akan memudahkan urusan pergerakan rakyat, bank dan pejabat pos pula menyediakan perkhidmatan kepada pengguna untuk membayar pelbagai bil dan menyimpan wang serta barang berharga lain .
- Melalui pembinaan kemudahan dan prasarana seperti ini akan membolehkan rakyat mendapat pelbagai manfaat. *Sebagai contohnya, melalui pembinaan prasarana ini secara tidak langsung akan membangunkan kawasan di sekitarnya dan semua penduduk akan bertumpu di kawasan tersebut.*
- Jadi bolehlah dikatakan yang pembangunan yang pesat mampu memberikan faedah prasarana kepada rakyat.

**2. Pembangunan menyediakan peluang pekerjaan semasa pembangunan dijalankan atau selepas premis beroperasi seperti peluang untuk bekerja di bank atau premis perniagaan yang dibuka.**

- Peluang pekerjaan yang diperolehi rakyat melalui pembangunan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan rakyat sekali gus mengurangkan masalah kemiskinan dan pengangguran.
  - Rakyat juga boleh mencipta dan melakukan kerja-kerja sampingan lain.
  - *Sebagai. contohnya pembukaan pasar malam dan petang di tempat-tempat yang padat dengan penduduk.*
- Sesungguhnya pembangunan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk.

**3. Setelah pembangunan dijalankan kawasan setempat mengalami pertumbuhan maka rakyat dapat memanfaatkan kemajuan yang pesat.**

- Kawasan yang dahulunya tidak diusik oleh pembangunan hanyalah sebuah kawasan yang tidak mempunyai nilai ekonomi.
- Misalnya, apabila jalan raya atau lebuh raya dibina ke kawasan peranginan, maka

pelbagai sektor lain akan tumbuh dengan rancak dan secara tidak langsung kawasan setempat mendapat limpahan kemajuan.

- *Sebagai contohnya, pembinaan lapangan terbang Sibu dan jalan yang baik membawa kepada peningkatan jumlah pelancong ke Sibu.*
- Jelaslah yang pembangunan merencanakan pembangunan setempat.

**4. Pembangunan fizikal yang tidak terkawal akan mengorbankan alam semula jadi.**

- Antara bentuk pembangunan fizikal ialah membina bangunan pencakar langit seperti Menara Berkembar Petronas, membina lapangan terbang seperti KLIA dan membina pelbagai lebuh raya seperti Lebuhraya Pantai Timur.
- Pembangunan yang dilaksanakan di suatu tempat yang baharu sudah semestinya menyebabkan kerja-kerja membersihkan tanah dijalankan.
- Dengan itu, berlakulah usaha menebang pokok dan mengubahsuai tanah. Pokok yang menyumbang kepada kelangsungan lestari alam sekitar terpaksa dikorbankan.
- *Misalnya, sewaktu pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.* Ringkasnya, pembangunan fizikal akan mengorbankan alam semula jadi.

**5. Pembangunan menuntut kesibukan kerja dan akan mengorbankan nilai kejiranan.**

- Pembangunan akan menyebabkan setiap individu mengalami kesibukan bekerja, stres, kekurangan masa dan seumpamanya.
- Antaranya mereka mungkin terpaksa bekerja jauh dari kediaman, keluar awal pagi dan balik lewat malam serta bekerja sehari suntuk atau keluar kawasan beberapa ketika.
- Keadaan tersebut sudah semestinya mengorbankan nilai kejiranan, *contohnya sukar bertegur sapa dan tidak dapat mengikuti banyak program kemasyarakatan.*
- Terbuktilah, yang pembangunan menuntut kesibukan kerja dan akan mengorbankan nilai kejiranan.

Pembangunan yang berhemah perlulah dilaksanakan dengan baik agar manfaat yang diperoleh berbaloi. Kita tidak mahu melihat pembangunan yang terpaksa mengorbankan nilai estika dan kesejahteraan alam sekitar.

Formula Jawapan sama ada  $2 + 3 / 3 + 2$

## Soalan 22

E-niaga merupakan konsep dan platform perniagaan maya yang menjadi kegemaran dan kegilaan generasi baharu . Namun demikian sambutan dan penerimaan terhadap konsep ini masih rendah berbanding negara maju lain di dunia. Huraikan.

Pengenalan: Pembangunan e-niaga telah membuka ruang yang lebih luas untuk menjana pendapatanusahawan dan seterusnya merancakkan ekonomi negara. Namun, urusaniaga bentuk ini masihkurang mendapat sambutan.

Bil	Idea	Huraian Idea
1	<b>A: Faktor Mendapat tempat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjimatkan kos peniaga dan pembeli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Peniaga menjual barangan dan perkhidmatan mereka kepada pelanggan secara langsung</li> <li>-Tidak perlu menyewa tapak kedai sebaliknya menempatkan perniagaan di sebuah pelayan web utama.</li> <li>- Kaedah peniagaan terus kepada pelanggan(B2C) dapat menjimatkan kos pemasaran dan seterusnya meningkatkan margin keuntungan.</li> <li>- menjamin harga yang lebih rendah</li> <li>- Cth: Syarikat penerbangan Air Asia telahmenggunakan kaedah e-niaga sebagai medium untuk menawarkan perkhidmatan penerbanganbagi mengurangkan kos.</li> </ul>
2	Kaedah transaksi tanpa sempadan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelbagai urusan perbankan dan transaksi boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana juga</li> <li>- Pengguna tidak terikat dengan urusan waktu pejabat / terpaksa beratur panjang di kaunterbayaran</li> <li>- Pelayan web utama boleh dikunjungi pada bila-2 masa</li> <li>Cth: Perkhidmatan Maybank2U.Com , CIMB Click</li> </ul>
3	Saiz pasaran yang lebih luas	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Barangan dipasarkan ke seluruh dunia tanpa sebarang masalah / di atas talian</li> <li>- Saiz pasaran yang lebih luas menjanjikan pelanggan yang lebih ramai / pelanggan merentasi sempadan Negara</li> </ul>
4	Pilihan barangan dan perkhidmatan yang pelbagai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelanggan dapat mengakses serta merta barangan dan perkhidmatan yang disediakan</li> <li>- Menjadikan mereka pengguna yang lebih peka</li> </ul>

	dan terkini	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Maklumat dan senarai harga terkini disediakan dalam talian.</li> <li>- Maklumat produk sentiasa dikemaskini bagi membantu pembeli membuat perbandingan daripada pelbagai aspek, seterusnya membuat pilihan yang tepat dan bijak</li> </ul>
5	<b>B: Faktor-faktor kurang mendapat sambutan</b> Jumlah pengguna internet yang terhad / jurang digital	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berdasarkan laporan Penggunaan Internet, pengguna internet hanya tertumpu di Lembah Kelang dan kawasan sekitarnya.</li> <li>- Pengguna internet di negeri-negeri lain terutamanya di kawasan luar bandar adalah rendah, iaitu di bawah paras 10% .</li> <li>- Kadar yang rendah disebabkan jurang digital</li> <li>- Jumlah penggunaan yang terhad akan mengganggu perkembangan e-niaga</li> </ul>
6	Usia pengguna	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebanyakan pengguna internet adalah golongan muda dan remaja yang berumur antara 15 hingga 19 tahun dan 20 hingga 24 tahun.</li> <li>- Kebanyakan mereka masih menuntut dan tidak mempunyai pendapatan</li> <li>- Mereka menggunakan internet untuk tujuan hiburan, berkomunikasi dan mencari maklumat</li> <li>- Keadaan ini gagal mewujudkan kumpulan pengguna yang berkualiti untuk pasaran e-niaga</li> </ul>
7	Keselamatan transaksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kad kredit merupakan kaedah pembayaran yang popular dan pengguna bimbang terhadap keselamatan transaksi</li> <li>- Kebanyakan pelanggan masih kurang yakin untuk memberi maklumat kad kredit</li> <li>- Kebimbangan wujud terhadap kemungkinan maklumat peribadi dan nombor akaun kad kredit mereka dipintas oleh penggodam system komputer</li> <li>- Justeru, e-niaga bukan menjadi pilihan utama</li> </ul>

Formula Jawapan sama ada  $2 + 3 / 3 + 2$

[Type text]